

# PM bincang isu Palestin-Israel dengan Bush

KUALALUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membangkitkan isu konflik Palestin-Israel dan keadaan di Iraq pada pertemuannya dengan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush di Rumah Putih, Ahad ini.

Perdana Menteri berkata, beliau akan menyampaikan pendirian Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) berhubung kedua-dua konflik itu.

"Ia adalah peluang untuk berbincang dengannya dalam banyak isu yang mempunyai kepentingan dengan kita. Akan ada subjek dua hala dan isu antarabangsa seperti konflik

Palestin-Israel dan Iraq.

"Tentunya saya akan menyampaikan kepadanya hasil mesyuarat Menteri Luar OIC dan NAM yang diadakan di sini baru-baru ini.

"Saya fikir adalah, baik jika mereka mendapat beberapa maklumat dan idea dari saya... untuk mengetahui apa yang negara membangun perkatakan atau fikirkan" katanya selepas merasmikan Exco Perdagangan Antarabangsa Makanan dan Minuman Malaysia Kelima (MIFB) 2004 dan Konvensyen Antarabangsa Makanan Halal Malaysia 2004 di sini, semalam.

Abdullah akan melakukan lawatan rasmi ke Amerika Syarikat dan

Eropah dari 18 hingga 24 Julai.

Dalam lawatan rasmi itu, Perdana Menteri dijadual menemui Bush di Rumah Putih pada 18 Julai, disusuli pertemuan dengan Presiden Perancis, Jacques Chirac di Paris, 21 Julai dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair di London, 22 Julai.

Pada 13 Mei lalu, Malaysia selaku Pengerusi NAM menganjurkan Mesyuarat Khas Peringkat Menteri NAM mengenai pergolakan di Asia Barat di Putrajaya yang membincangkan isu layanan buruk tentera Amerika Syarikat dan Britain terhadap tahanan Iraq dan konflik Palestin-Israel.

Malaysia yang juga Pengerusi OIC, pada 22 April lalu turut mengadakan mesyuarat khas OIC bagi membincangkan isu sama.

Abdullah berkata, adalah penting supaya kestabilan politik dapat diwujudkan dan segala bentuk keganasan dihentikan di Iraq untuk membolehkan persediaan dilakukan untuk pilihan raya negara itu Januari tahun depan.

"Pilihan raya itu mesti dilihat sebagai sangat penting bagi rakyat Iraq dan mereka perlu menyedari kepentingan itu kerana ia adalah peluang untuk mereka mengundi bagi memilih pemimpin dan kerajaan pilihan

mereka," katanya.

Beliau berkata, negara Islam, termasuk Malaysia kemudian boleh menyumbang dalam Pembangunan semula negara itu kerana Malaysia mempunyai keupayaan dan syarikatnya boleh menyertai dalam proses Pembangunan semula negara itu.

Ditanya mengapa beliau mengadakan pertemuan dengan Bush sekarang dan bukannya selepas selesai Perhimpunan Agung Umno 23 September ini, Abdullah berkata, beliau tidak perlu menunggu kerana pelbagai perkara boleh berlaku di pentas dunia antara sekarang dan tarikh perhimpunan agung itu.